

TERMINOLOGI KEKERABATAN DALAM DIALEK MELAYU BRUNEI (DMB): KEPELBAGAIAN, PERUBAHAN DAN CABARAN ASIMILASI BAHASA INGGERIS

Dr. Aini Haji Karim
(*Brunei Darussalam*)

Abstrak

Pengambilan leksikal bahasa asing, terutama bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu merupakan perkara lumrah dalam konteks memperkayakan sesuatu bahasa. Namun penggunaan atau asimilasi leksikal bahasa Inggeris ke dalam sistem panggilan bahasa Melayu merupakan sesuatu yang janggal dan tidak seharusnya berlaku. Gejala ini semakin hari semakin berleluasa dalam masyarakat kita masa kini. Misalnya penggunaan panggilan *uncle* bagi bapa saudara dan *auntie* bagi ibu saudara. Situasi ini amat membimbangkan, dan boleh menggugat jati diri bangsa dan kelestarian sistem panggilan dalam bahasa Melayu, terutama sekali terminologi kekerabatan dalam masyarakat Melayu umumnya dan Masyarakat Melayu Brunei (MMB) khususnya. Makalah ini akan mengupas dan menatarkan hasil kaji selidik yang telah dijalankan bagi melihat sejauh manakah MMB masih mengekalkan terminologi kekerabatan yang asli dalam sistem panggilan seperti *tua*, *asai*, *tangah*, *iring*, *uda*, *amit*, *bungsu/usu* berbanding dengan penggunaan panggilan *uncle* dan *auntie*.

Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi manusia untuk berinteraksi bagi menyampaikan perasaan dan buah fikiran mereka. Bahasa Melayu adalah salah satu bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Melayu dan penduduk yang mendiami rantau Melayu. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa perhubungan dan berperanan sebagai *lingua franca* antara penduduk dan masyarakat yang tinggal menetap di alam Melayu ini sejak sekian lama.

Bahasa Melayu Dialek Brunei yang dikenali juga sebagai Dialek Melayu Brunei (DMB) adalah bahasa yang dituturkan oleh MMB di Negara Brunei Darussalam, beberapa kawasan di Sarawak seperti Limbang, Lawas, Terusan, Sundar, Awat-awat dan Miri, dan di Sabah seperti Sipitang, Kuala Penyu, Menumbuk, Papar, Manggatal, Beaufort dan sekitarnya, Kuala Mengalong dan sekitar Kota Kinabalu seperti Kampung Brunei dan Sembulan Lama serta di Wilayah Persekutuan Labuan (Aini Karim, 1994:1). Masalahnya, generasi muda masa kini lebih suka berkomunikasi dan mengasimilasikan leksikal bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Pengasimilasian ini bukan hanya berlaku pada leksikal kata nama umum, malah berlaku juga dalam sistem panggilan.

Bangsa Melayu ialah satu bangsa yang memandang tinggi nilai-nilai kebudayaan dan kemasyarakatan yang bersopan santun. Nilai-nilai sosiobudaya bersopan santun ini lazimnya dipaparkan melalui sistem panggilan, khususnya dalam terminologi kekerabatan kerana sistem panggilan merupakan sesuatu yang dianggap penting dalam semua budaya, terutama sekali bagi masyarakat Melayu. Seseorang dapat menentukan sikap, kelas sosial, pendidikan dan hubungan antara penutur dengan pendengar melalui bentuk panggilan yang digunakan. Oleh itu, adalah tidak wajar pengguna bahasa Melayu mengasimilasikan leksikal kekerabatan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, apatah lagi dalam bahasa Melayu sudah mempunyai sistem panggilan atau gelaran yang tersendiri.

Abdul Ghani Othman (2000:632) mengatakan bahawa **bahasa yang berkuasa menggambarkan bangsa yang berkuasa**. Sebaliknya, **bangsa yang berkuasa tidak**

semestinya menggambarkan bahasa bangsa itu berkuasa jika bahasa yang digunakan untuk memajukan bangsa itu bukan bahasanya. Namun, kenyataan ini tidak bermakna kita harus menolak bahasa lain seperti bahasa Inggeris, iaitu salah satu bahasa antarabangsa.

Apa yang kita lihat hari ini, bahasa Inggeris bukan sahaja sebagai bahasa global yang mendominasi era teknologi maklumat, malah dalam pelbagai bidang. Justeru pendominasian bahasa Inggeris ini telah dapat mempengaruhi dan menggugat sikap bahasa penutur dan pengguna bahasa Melayu. Seinggakan terminologi kekerabatan dalam bahasa Inggeris (seperti *uncle*, *auntie*, *mummy*, *daddy*, *bro*, dan *sis*) telah diserapkan ke dalam sistem panggilan bahasa Melayu.

Pernyataan Masalah

Generasi kini lebih suka menggunakan panggilan *uncle* bagi panggilan *indung patuan laki* atau bapa saudara, iaitu abang atau adik lelaki bapa atau ibu, suami kepada ibu saudara dan juga teman baik lelaki kepada ibu bapa atau keluarga mereka. Di sini jelas, penggunaan seperti ini tidak menunjukkan hierarki atau perbezaan antara bapa saudara dengan sahabat lelaki ibu bapa mereka atau dengan orang asing. Begitu juga dengan panggilan *auntie* bagi ibu saudara, iaitu kakak atau adik perempuan kepada ibu atau bapa, isteri kepada bapa saudara dan sahabat perempuan bagi keluarga mereka atau perempuan berbangsa asing. Malah perkataan *auntie* juga digunakan secara meluas oleh anak-anak untuk memanggil *amah* atau *pembantu rumah*. Ini juga menunjukkan tiada perbezaan antara panggilan *auntie* yang merujuk ibu saudara dengan *auntie* yang merujuk amah.

Bahasa Melayu kini menghadapi pelbagai cabaran, baik berbentuk dalaman mahupun luaran. Cabaran dalaman yang jelas adalah bagaimana penutur, pengguna atau individu itu sendiri mempersepsi bahasa Melayu. Cabaran luaran merujuk kepada kedwibahasawan. Kesan dari kedwibahasawan ini, ramai generasi muda berbangsa Melayu lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan sehari-hari sehinggalah panggilan kekerabatan juga menggunakan terminologi bahasa Inggeris.

Impak daripada masalah ini Fatimah Damit (2008:2) menjelaskan bahawa ramai generasi muda yang tidak mengetahui akan sistem panggilan kekerabatan ini. Mereka tidak dapat membezakan panggilan yang digunakan untuk saudara yang lebih tua atau muda, panggilan untuk bapa atau ibu saudara yang sulung, tengah, kecil dan bungsu serta anggota keluarga yang lain. Malah, selain daripada itu mereka juga tidak mengetahui sistem panggilan yang sesuai digunakan bagi jiran tetangga yang terdiri daripada orang kebanyakan, pengiran, orang bergelar dan kawan serta panggilan orang yang dikenali dan tidak dikenali.

Situasi dalam era globalisasi ini sangat mencabar bagi masyarakat kita terutama generasi muda. Cabaran yang paling jelas dewasa ini ialah bagaimana untuk mengekalkan dan memantapkan jati diri bangsa Melayu? Faktor utama yang boleh mengangkat dan menjulang jati diri itu adalah melalui bahasa, kerana "*bahasa menunjukkan bangsa*" atau "*bahasa jiwa bangsa*". Kalau bahasa kita sudah nampak bercelaru apatah lagi pemikiran kita.

Sistem Panggilan

Secara umum sistem panggilan adalah gelaran, sapaan atau sebutan nama bagi seseorang yang berhubung kait dengan cara menyapa atau memanggil mengikut nama gelarannya. Sistem panggilan ini agak luas, merangkumi kata nama gelaran dan ganti nama diri. Sistem panggilan boleh dilihat dari segi mikro atau makro.

Sistem panggilan atau sapaan kekerabatan merupakan kata panggilan untuk menyapa

anggota dalam lingkungan kaum keluarga seperti: nenek, ibu bapa, bapa saudara, ibu saudara, adik-beradik, sepupu, dua pupu, anak saudara, cucu dan piut. Dalam bahasa Melayu Brunei (BMB) terdapat pelbagai sistem panggilan tradisional bagi kekerabatan. Antaranya panggilan bagi bapa saudara atau ibu saudara (*patuan*), seperti *tua*, *acai/asai*, *tengah/ngangah*, *iring*, *uda*, *amit* dan *bungsu/ucu/uncu/usu*, dan anak saudara (*anak buah*).

Lazimnya sistem panggilan yang ada dalam sesuatu masyarakat itu akan mengalami perubahan sosial mahupun budaya dan menjadi penyebab utama berlakunya perubahan bahasa. Perubahan bahasa ini boleh berlaku secara total, kadang-kadang berlaku penambahan ataupun penghilangan beberapa sistem panggilan. Faktor penting penyebab perubahan ini adalah kerana hubungan kekeluargaan sudah menjadi semakin renggang atau longgar (*lack*). Akibatnya, generasi muda kini tidak lagi mengetahui sistem panggilan kekerabatan. Ini memudahkan mereka mengaplikasikan unsur-unsur luar seperti sistem panggilan kekerabatan bahasa Inggeris. Rasa hormat-menghormati dan *berawar galat* sudah mulai pudar di kalangan mereka.

Satu daripada perubahan terminologi sistem panggilan kekerabatan yang ketara dalam MMB ialah kecenderungan generasi muda mengasimilasikan terminologi panggilan kekerabatan bahasa Inggeris *uncle* dan *auntie*. Mereka sudah kurang menggunakan panggilan kekeluargaan asas dalam BMB seperti *tua*, *acai*, *tengah*, *iring*, *uda*, *amit*, dan *bungsu*. Hanya sebilangan keluarga yang masih mengekalkan penggunaan panggilan tersebut. Sistem panggilan yang digunakan bagi satu keluarga dengan keluarga yang lain juga didapati berbeza-beza ataupun bervariasi dan tidak seragam.

Definisi Istilah *uncle*, *auntie*, “bapa saudara” dan “ibu saudara”

Istilah *uncle* menurut *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (1992:1794) 1. Saudara lelaki (baik abang mahupun adik lelaki) kepada bapa atau ibu yang dipanggil bapa saudara, pak cik; yang sulung dipanggil pak long; yang paling kecil (terakhir) dipanggil pak/su, cu, busu/ busu; yang lahir di antara yang sulung dengan yang terakhir dipanggil pak ngah; yang termuda dipanggil pak/busu, su, usu, bungsu/, busu; (*polite, esp in correspondence*) ayahanda; (*of royalty*) ayahanda; *uncle* juga bermaksud suami kepada ibu saudara, pak cik, pak + nama atau panggilan singkat; 3. (*colloq*) teman baik keluarga yang lelaki yang tidak mempunyai pertalian dengan penutur; pak cik + (nama); *Uncle David*, Pak Cik David.

Aunt (auntie/aunty) menurut *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (1992:105) 1. Saudara perempuan (kakak atau adik) kepada bapa atau ibu, mak/ibu saudara, mak cik; ibu saudara; yang sulung dipanggil mak long; mak saudara; yang termuda dipanggil mak/su, cu, busu/, busu; yang tengah (lahir di antara yang sulung dengan yang bungsu) dipanggil mak ngah; yang termuda dipanggil mak/busu, su, cu, usu, bungsu/, busu; 2. Isteri kepada bapa saudara dipanggil mak cik atau mak + nama ibu saudara; 3. (*colloq*) perempuan yang tidak mempunyai pertalian dengan keluarga tetapi menjadi teman rapat kepada keluarga, mak cik + (nama).

Dalam MMB panggilan bagi bapa saudara dan ibu saudara (*indung patuan*) ini ada berbagai, iaitu mengikut peringkat tertentu. Peringkat ini boleh dilihat dari segi susunan kelahiran, iaitu dari anak pertama hingga yang terakhir (susunan menegak) dalam sebuah keluarga dan susunan/strata secara mendatar (melintang), seperti sepupu, dua pupu, tiga pupu dan seterusnya yang lain-lain.

Definisi bagi bapa saudara secara umum dalam MMB merangkumi empat kategori seperti yang berikut:

- (a) Abang atau adik lelaki kepada ibu bapa kita. Yang terdiri daripada tua, angah, iring,

- acai/basar, uda amit/damit (pa damit) dan bungsu/usu/ucu/uncu. Panggilan-panggilan ini lazimnya diikuti dengan nama bapa saudara itu. Misalnya Tua Saftu, Tengah/Angah Mail, Iring Danan, Acai Ripin, Uda Usup, Amit Zaid dan Bungsu Izul.
- (b) Suami kepada ibu saudara (suami kepada kakak atau suami kepada adik perempuan kepada ibu bapa penyapa). Panggilan ini juga diikuti dengan nama. Misalnya, Tua Bahrin, Angah Jamil, Iring Firdaus, Amit Roslan, Acai Junaidi, Uda Rosman, Bungsu Ali dan sebagainya.
 - (c) Sepupu/pupu sekali, dua pupu/pupu dua kali (dan seterusnya) lelaki kepada ibu bapa. Misalnya, Tua Tair, Angah Tajudin, Amit Mahmud dan sebagainya.
 - (d) Suami kepada sepupu/pupu sekali, dua pupu/pupu dua kali perempuan kepada ibu bapa. Misalnya, Tua Basar, Acai Ali, Angah Said, Iring Mamat, Uda Jahri, Amit Dolah dan Bungsu Japar.

Ibu saudara pula merangkumi kategori seperti yang berikut:

- (a) Kakak atau adik perempuan kepada ibu bapa. Susunannya juga sama dengan susunan bapa saudara, iaitu terdiri daripada tua, tengah, iring, acai/asai/basar, uda, amit/damit (bu damit) dan bungsu/usu/ucu/uncu. Sistem panggilan yang digunakan selalunya diikuti dengan nama atau jantina. Misalnya, Tua Zauyah, Angah Aisah, Iring Jamah, Uda Siti, amit Timah, dan Bungsu Jamilah.
- (b) Isteri kepada bapa saudara. Lazimnya sesuatu panggilan diikuti dengan nama atau jantina. Misalnya, Tua Tauyah/tua bini, Angah bini, Iring bini, Acai bini, Uda bini, Amit Idah dan Bungsu Saunah.
- (c) Sepupu, dua pupu (dan seterusnya) perempuan kepada ibu bapa. Misalnya, Tua Juyah, Tengah Isah, Iring Jamah, Uda Kasum, Amit Timah dan Bungsu Yati.
- (d) Isteri kepada sepupu, dua pupu lelaki kepada ibu bapa. Misalnya, Tua Sinah, Asai Minah, Angah Kaci, Iring Usnah, Uda Sanah, Amit Zaharah dan Usu Masni.

Sistem Panggilan Kekerabatan atau Kekeluargaan dan Perkembangan Penggunaannya

Keluargaan menurut *Kamus Dewan* (2005:725) adalah yang berkaitan dengan keluarga atau hubungan sebagai anggota di dalam sebuah keluarga (berasaskan perhubungan keturunan atau disebabkan perkahwinan). Amat Juhari Moain (1989:58) menjelaskan bahawa terdapat beberapa jenis gelaran, iaitu gelaran warisan, gelaran kurniaan, gelaran jawatan, gelaran keagamaan dan timang-timangan. Kata nama gelaran dalam masyarakat Melayu menurut Asmah Haji Omar (1986:35), boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan menurut konteks penggunaannya dan latar belakang pemeran dalam konteks itu.

Dalam konteks pertalian kekeluargaan, baik pertalian darah mahupun perkahwinan, masyarakat Melayu sering menggunakan nama-nama tertentu untuk menyapa atau merujuk mengikut “*pangkat*” dalam hubungannya dengan orang yang menyapa (penutur). *Pangkat* yang dimaksudkan di sini ialah adakah ia pangkat nenek (*nini*) atau bapa dan ibu saudara (*patuan*). Dalam hubungan adik-beradik adakah ia pangkat abang atau adik kepada penyapa.

DMB yang dituturkan oleh masyarakat Brunei sendiri mempunyai pelbagai panggilan

atau gelaran bagi *patuan*, sama ada bagi bapa saudara ataupun ibu saudara. Sekiranya bilangan bapa atau ibu saudara, iaitu adik-beradik ibu atau bapa itu berjumlah tujuh orang, panggilan kekerabatan dalam MMB itu dibahagikan sama rata satu lawan satu mengikut susunan kelahiran, iaitu yang sulung dipanggil *tua* (*tua laki/bini*), yang kedua dipanggil *acai/asai* (*acai laki/bini*), yang ketiga dipanggil *tangah/angah* (*tangah laki/bini*), yang keempat dipanggil *iring* (*iring laki/bini*), yang kelima dipanggil *uda* (*uda laki/bini*), yang keenam dipanggil *amit* (*amit laki/bini*), dan yang akhir sekali dipanggil *usu/bungsu* (*bungsu laki/bini*).

Sebaliknya, jika bilangan adik-beradik kepada ibu bapa itu lebih daripada tujuh orang, panggilan seperti *tua*, *tangah*, *amit* dan *bungsu* berkemungkinan mempunyai lebih daripada seorang dan dikategorikan mengikut susunan kelahiran bagi anak lelaki dan perempuan. Contohnya, adik-beradik ada 10 orang. Anak yang sulung lelaki dan anak kedua perempuan. Anak sulung lelaki dipanggil *tua laki* atau (*tua + nama*) dan anak kedua yang perempuan dipanggil *tua bini* atau (*tua + nama*) atau *acai*. Seterusnya anak ketiga dan keempat dipanggil *tangah/angah* (*tangah laki/bini*; *tangah + nama*). Anak kelima dipanggil *iring* (*iring/ iring + nama*). Anak keenam dipanggil *uda*, anak ketujuh, kelapan dan kesembilan dipanggil *amit*, dan anak yang kesepuluh atau anak yang terakhir dipanggil *bungsu*.

Bagi masyarakat Melayu Semenanjung Malaysia (MMSM) kata panggilan untuk bapa atau ibu saudara menurut Asmah Haji Omar (1986:37) yang beliau namakan sebagai jenama kekeluargaan pertalian darah adalah seperti *Long*, *Ngah*, *Lang*, *Anjang*, *Cik*, *Busu* atau *Su*, yang menggambarkan urutan kelahiran. Jenama-jenama ini dalam penggunaannya menghasilkan gelaran *Pak Long/Mak Long*, *Pak Ngah/Mak Ngah*, *Pak Lang/Mak Lang*, *Pak Njang/Mak Njang*, *Pak Cik/Mak Cik* dan *Pak Su/Mak Su*, iaitu dengan penambahan panggilan *Pak* bagi bapa saudara dan *Mak* bagi ibu saudara di awal jenama. Nama kekeluargaan ini juga *dilaratkan* kepada panggilan adik-beradik yang berpangkat *Abang* (*atau Bang*) dan *Kakak* (*atau Kak*). Bagaimanapun sekiranya digunakan, hanya terbatas pada *Long*, *Ngah* dan *Cik*. Misalnya *Bang Long/Kak Long*, *Bang Ngah/Kak Ngah* dan *Bang Cik/Kak Cik*. Hal ini tidak berlaku dalam sistem panggilan MMB. Secara tradisi panggilan untuk abang dan kakak bagi MMB hanya dipanggil *kaka* (merangkumi saudara lelaki dan perempuan). Bagaimanapun akhir-akhir ini, penggunaan panggilan *abang* bagi saudara lelaki yang lebih tua dan panggilan kepada suami sudah lumrah dalam MMB, perkara ini berlaku mungkin pengaruh daripada negara jiran atau berlaku penerobosan budaya.

Sistem panggilan kekerabatan bagi MMSM ada sedikit perbezaan dengan masyarakat Brunei. Perbezaan ini jelas dari segi bilangan dan jenamanya. Bagi menggambarkan perbezaan panggilan kekerabatan ini cuba perhatikan Jadual 1.

JADUAL 1
PERBEZAAN ANTARA SISTEM PANGGILAN KEKERABATAN
MASYARAKAT MELAYU SEMENANJUNG MALAYSIA (MMSM)
DENGAN
MASYARAKAT MELAYU BRUNEI (MMB)

Bilangan Menurut Urutan Kelahiran	Sistem Panggilan Kekeabatan Bagi MMSM	Sistem Panggilan Kekeabatan Bagi MMB
1.	Long (sulung)	Tua
2.	Ngah (tengah)	Acai/Asai/Basar/Basai
3.	Lang (alang)	Tangah/Angah/Ngangah
4.	Anjang/njang	Iring
5.	-	Uda
6.	Cik (kecil)	Amit
7.	Busu/Su (bongsu)	Bungsu/Uncu/Usu

Hasil daripada kaji selidik yang dibuat penulis, sebilangan daripada MMB masih menggunakan panggilan seperti *tua*, *acai*, *tengah*, *iring*, *uda*, *amit* dan *bungsu* kepada bapa atau ibu saudara dan adik-beradik kepada ibu bapa mertua. Sebaliknya, suami kepada ibu saudara akan dipanggil *uncle* dan isteri kepada bapa saudara dipanggil *auntie* sahaja. Bapa atau ibu saudara serta bapa saudara sepupu yang tunggal lazimnya dipanggil *unggal* tanpa mengira jantina.

Panggilan-panggilan asas seperti ini dari hari ke hari semakin kurang digunakan. Hanya segelintir daripada MMB yang masih mengekalkan dan menggunakan panggilan seperti *tua*, *angah*, *amit* dan *bungsu* (rujuk lampiran). Generasi muda lebih suka menggunakan terminologi kekeabatan bahasa Inggeris seperti *uncle* dan *auntie*. Kebanyakan MMB hanya menggunakan panggilan *tua* bagi bapa saudara dan *babu* bagi ibu saudara. Ada juga yang mencampuradukkan penggunaan panggilan tradisional dengan terminologi kekeabatan bahasa Inggeris. (rujuk lampiran).

Daripada kaji selidik yang dilakukan terhadap 113 orang mahasiswa UBD: seramai 30 (26.5%) responden menggunakan terminologi kekeabatan bahasa Inggeris *uncle* dan *auntie* di samping panggilan kekeabatan asas yang tradisional, Sebilangan daripada mereka pula menggunakan jenama yang agak rencam yang bercampur aduk antara terminologi kekeabatan asas yang tradisional dengan terminologi kekeabatan bahasa Inggeris. Misalnya, *tua*, *angah*, *uncle*, *auntie*, *amit*, dan *bungsu*. 29 orang (25.66%) responden yang masih mengekalkan penggunaan sistem panggilan kekeabatan tradisional, 25 (22.12%) responden menggunakan panggilan *babu* bagi ibu saudara mereka dan 3 (2.65%) responden menggunakan panggilan seperti *pamit* (bapa saudara), *buamit*, *babu amit* dan *babu iring* (ibu saudara).

Bagi MMB yang berkahwin dengan orang dari luar negara, turut mempengaruhi sistem panggilan. Misalnya, suami atau isteri berasal daripada Malaysia, sistem panggilan akan bercampur aduk seperti *pak Long*, *Babu ngah*, *pak uda*, *mak lang*, *pak usu* dan sebagainya. Didapati 19 (16.8 %) orang daripada responden menggunakan panggilan *anjang* dan *pak cik* dalam sistem panggilan kekeabatan mereka. Punca masalahnya ramai responden yang tidak mengetahui panggilan kekeabatan tradisional di kalangan bapa atau ibu saudara mereka. Misalnya keluarga J sebelah ibu daripada lapan *patuan* mereka, hanya dua panggilan sahaja yang digunakan iaitu *uncle* bagi yang lelaki dan *aunty* bagi yang perempuan. Begitu juga panggilan untuk nenek turut berubah. Lazimnya MMB memanggil datuk atau nenek dengan panggilan *nini laki* atau *nini bini* sahaja. Malah ada juga yang memanggil berdasarkan jantina, warna kulit,

tempat tinggal dan saiz badan, contohnya *nini boy*, *nini girl*, *nini white*, *nini hitam*, *nini Layong*, *nini Labuan*, *nini Gadong*, *nini kampung*, *nini basar (besar)*, *nini damit (kecil)* serta ada yang memanggil datuk dan nenek mereka sebagai *bapa*, *bapa tua (2)*, *mama tua (2)*, dan yang anehnya lagi dengan panggilan *pom* dan *uci*.

Panggilan *uncle* juga digunakan bagi menyapa atau merujuk lelaki asing dan teman baik/sahabat lelaki kepada ibu bapa atau keluarga dan *auntie* bagi yang perempuan. Di samping itu panggilan *auntie* digunakan bagi merujuk pembantu rumah perempuan. Sebaliknya, pemandu atau pembantu rumah lelaki tidak dipanggil *uncle*.

Masalah yang mungkin timbul daripada penggunaan terminologi kekerabatan bahasa Inggeris ini bagi generasi yang akan datang antaranya ialah:

- (a) tidak mengetahui adanya sistem panggilan kekerabatan tradisional asas yang wujud dalam bahasa Melayu.
- (b) tidak dapat membezakan yang mana bapa saudara yang sulung, tengah, alang atau bungsu.

Sekiranya perkara ini berlaku, identiti atau jati diri sesebuah masyarakat itu semakin terhakis dan tidak dapat dibezakan. Kita sendiri sukar untuk membezakan antara bapa atau ibu saudara dengan orang asing kerana berdasarkan ciri-ciri komponen makna yang dideskripsikan menggunakan Analisis Komponen Makna pada Jadual 2 dan Jadual 3, terminologi *uncle* atau *auntie* selain sebagai kata panggilan tidak mempunyai ciri komponen makna khusus berkenaan dengan kekerabatan. Sebaliknya terminologi kekerabatan seperti *tua*, *acai*, *angah*, *iring*, *uda*, *amit* dan *bungsu*, baik digunakan berserta nama (*tua + nama*) mahupun jantina (*tua + laki/bini*), jelas mempunyai komponen makna yang khusus menggambarkan *indung patuan* (kekerabatan) sama ada bapa saudara atau pun ibu saudara dan sama sekali tidak digunakan bagi merujuk orang asing yang tidak mempunyai pertalian darah atau melalui perkahwinan. Ciri-ciri ini jelas dalam komponen makna yang terkandung dalam Jadual 2 dan Jadual 3 yang dipaparkan seperti yang berikut:

Keterangan Jadual

Bagi mendeskripsikan perbezaan item-item leksikal dalam sistem panggilan kekerabatan bahasa Inggeris *uncle* dan *auntie* dengan bapa saudara dan ibu saudara lambang-lambang [+], [-] dan [±] akan digunakan dalam lajur-lajur jadual. Lambang-lambang ini mempunyai maksud berikut:

- [+] bermaksud istilah/item dalam lajur berkenaan memiliki komponen makna yang nyata.
- [-] bermaksud item dalam lajur berkenaan tidak memiliki komponen makna yang dinyatakan.
- [±] bermaksud dalam lajur berkenaan berkemungkinan untuk memiliki atau tidak memiliki komponen makna yang dinyatakan.

Perbezaan Makna Antara *Uncle* dengan “Bapa Saudara”

Antara istilah *uncle* dengan bapa saudara ada perbezaan makna yang ketara. Makna perkataan *uncle* lebih umum berbanding dengan kata bapa saudara (*tua*, *tangah*, *acai*, *iring*, *uda*, *amit* atau *bungsu*). Perbezaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 2.

**JADUAL 2
MEDAN PANGGILAN 1**

Ciri-ciri	Item	<i>Uncle</i>	Bapa Saudara (<i>tua, tengah, acai, iring, uda, amit</i> atau <i>bungsu</i>)
1. C1. Panggilan.		+	+
2. C2. Panggilan kekerabatan.		±	+
3. C3. Dapat menjelaskan urutan kelahiran.		±	+
4. Ob1. Saudara lelaki kepada ibu atau bapa.		±	+
5. Ob2. Suami kepada ibu saudara.		±	+
6. Ob3. Sahabat lelaki kepada keluarga.		±	-
7. Ob4. Lelaki asing yang sebaya atau lebih tua daripada bapa.		±	-
8. Ob5. Pemandu/drebar.		±	-

C = bermaksud ciri
Ob = bermaksud objek

Jadual 2 menggambarkan ciri-ciri terminologi *uncle* dan bapa saudara. Kedua-dua istilah *uncle* dan bapa saudara memiliki komponen makna C1 panggilan. Bapa Saudara memiliki komponen makna C1, C2, C3, Ob1 dan Ob2 iaitu panggilan, panggilan kekerabatan, dapat menjelaskan urutan kelahiran (bapa saudara), saudara lelaki kepada ibu atau bapa dan suami kepada ibu saudara, tetapi tidak memiliki komponen makna Ob3, Ob4 dan Ob5, iaitu sahabat lelaki kepada keluarga, lelaki asing yang sebaya atau lebih tua daripada bapa dan pemandu/drebar. Sebaliknya terminologi *uncle* tidak memiliki ciri-ciri khusus kekerabatan, ia boleh saja memiliki atau tidak C2, C3, Ob1, Ob2, Ob3, Ob4 atau Ob5.

Perbezaan Makna antara *Auntie* dengan “Ibu Saudara”

Antara istilah *auntie* dengan ibu saudara ada perbezaan makna yang ketara. Makna perkataan *auntie* lebih umum berbanding dengan kata ibu saudara (*tua, tengah, acai, iring, uda, amit* atau *bungsu*). Perbezaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 3.

**JADUAL 3
MEDAN PANGGILAN 2**

Ciri-ciri	Item	<i>Auntie</i>	Ibu Saudara (<i>tua, tengah, acai, iring, uda, amit</i> atau <i>bungsu</i>)
1. C1. Panggilan.		+	+
2. C2. Panggilan kekerabatan.		±	+
3. C3. Dapat menjelaskan urutan kelahiran.		±	+
4. Ob1. Saudara perempuan kepada ibu atau bapa.		±	+
5. Ob2. Isteri kepada bapa saudara.		±	+
6. Ob3. Sahabat perempuan kepada keluarga.		±	-
7. Ob4. Perempuan/wanita asing yang sebaya atau lebih tua daripada ibu.		±	-
8. Ob5. Pembantu rumah (Amah).		±	-

Jadual 3 menggambarkan ciri-ciri terminologi *auntie* dan ibu saudara. Kedua-dua istilah *auntie* dan ibu saudara memiliki komponen makna C1 panggilan. Ibu Saudara memiliki komponen makna C1, C2, C3, Ob1 dan Ob2 iaitu panggilan, panggilan kekerabatan, dapat

menjelaskan urutan kelahiran (ibu saudara), saudara perempuan kepada ibu atau bapa dan isteri kepada ibu saudara, tetapi tidak memiliki komponen makna Ob3, Ob4 dan Ob5, iaitu sahabat perempuan kepada keluarga, perempuan asing yang sebaya atau lebih tua daripada ibu dan pembantu rumah atau amah. Seperti terminologi *uncle*, *auntie* juga tidak mempunyai ciri-ciri khusus kekerabatan.

JADUAL 4
MEDAN PANGGILAN KEKERABATAN MMB

Item	A Tua	B Acai	C Tengah	D Iring	E Uda	F Amit	G Bungsu
1.C1. Panggilan Kekerabatan	+	+	+	+	+	+	+
2.C2. Bapa Saudara/Ibu Saudara Tertua	+	-	-	-	-	-	-
3.C3. Bapa Saudara/Ibu Saudara Kedua	-	+	-	-	-	-	-
4.C4. Bapa Saudara/Ibu Saudara Ketiga	-	-	+	-	-	-	-
5.C5. Bapa Saudara/Ibu Saudara Keempat	-	-	-	+	-	-	-
6.C6. Bapa Saudara/Ibu Saudara Kelima	-	-	-	-	+	-	-
7.C7. Bapa Saudara/Ibu Saudara Keenam	-	-	-	-	-	+	-
8.C8. Bapa Saudara/Ibu Saudara Ketujuh	-	-	-	-	-	-	+

Daripada komponen-komponen makna yang dipaparkan pada Jadual 2 dan Jadual 3, jelas menunjukkan makna terminologi kekerabatan bahasa Inggeris *uncle* dan *auntie* dengan makna terminologi bapa saudara dan ibu saudara (khususnya jenama *tua*, *acai*, *tengah* dan lain-lain yang dipaparkan dalam Jadual 4) itu agak berbeza. Istilah *uncle* dan *auntie* mempunyai ciri-ciri yang lebih umum berbanding dengan panggilan kekerabatan tradisional asas bahasa Melayu seperti *tua*, *tengah*, *acai*, *iring*, *uda*, *amit* atau *bungsu*. Selain digunakan untuk panggilan kepada bapa saudara, istilah *uncle* dan *auntie* juga digunakan kepada orang asing yang tidak setaraf dengan bapa atau ibu saudara. Oleh itu penggunaan *uncle* kepada bapa saudara atau *auntie* kepada ibu saudara adalah tidak tepat serta tidak sesuai dan hendaklah dihindari penggunaannya dalam terminologi kekerabatan masyarakat Melayu.

Kesimpulan

Penggunaan terminologi kekerabatan bahasa Inggeris *uncle* dan *auntie* jelas telah mempengaruhi MMB. Hasil daripada soal selidik secara rambang terhadap seramai 113 orang mahasiswa UBD, didapati lebih satu perempat daripada informan atau responden menggunakan istilah bahasa Inggeris *uncle* dan *auntie*. Informan-informan ini sudah tidak menggunakan istilah-istilah kekerabatan tradisional seperti yang lazim digunakan dalam MMB. Pada hemat penulis gejala ini akan terus berleluasa dan sekali gus menenggelamkan sistem panggilan kekerabatan tradisional yang sedia ada dalam MMB.

Langkah yang harus diambil adalah dengan menanamkan kesedaran masyarakat kita amnya dan generasi muda khususnya tentang pentingnya mengekalkan panggilan kekerabatan tradisional yang ada, mempertingkatkan usaha pengajarannya di sekolah-sekolah, dan menggunakannya atau mengaplikasikannya dalam kehidupan kita sehari-hari.

Sekiranya kita sendiri tidak menggunakan terminologi kekerabatan dalam masyarakat kita, iaitu dalam pertuturan atau tidak mengenal bahasa kita sendiri, mengamalkan budaya dan adat resam dan mencorakkannya dalam kehidupan kita sehari-hari, adakah kita masih dianggap orang Melayu tulen? Adakah identiti bahasa Melayu itu akan terserlah? Inilah cabaran bagi bahasa Melayu umumnya, BMB khususnya yang sedang kita hadapi di alaf baru ini.

Sering berlaku, apabila kita mengambil istilah-istilah daripada bahasa lain, istilah/perkataan yang sedia ada akan terpinggir. Contohnya, kita sudah jarang menggunakan kata

“mutu” berbanding “kualiti” dan “pemandu” berbanding “drebar”. Mengapa ini berlaku? Perkara ini berlaku disebabkan bagaimana kita mempersepsi bahasa kita. Kalau kita menganggap bahasa kita itu bahasa yang berprestij kita akan bangga dan yakin menggunakannya. Jika sebaliknya, sebilangan daripada kita lebih suka menggunakan bahasa atau istilah/terminologi asing, khususnya bahasa Inggeris, meskipun berbicara dengan sesama orang Melayu.

Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah Bahasa.

Bibliografi

- Abdul Ghani Othman, 2000. “Politik Bahasa dan Bahasa Politik” dalam *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 44.6: 626-634.
- Aini Karim, 1994. *Pemindahan Leksis: Dialek Melayu Brunei ke dalam Bahasa Melayu Standard*. Disertasi Sarjana, Pusat Bahasa, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Aini Karim, 2000. “Sistem Panggilan dalam pemikiran Masyarakat Melayu Brunei” dlm. *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aini Karim, 2005. “Terminologi Kekerabatan dan Cabaran Asimilasi Leksikal Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu Brunei”, Kertas Kerja *Seminar Antarabangsa Dialek-dialek Austronesia Di Nusantara II*, pada 1- 3 Oktober 2005. Anjuran Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
- Amat Juhari Moain, 1989. *Sistem Panggilan dalam Masyarakat Melayu: Satu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Damit, 2008. *Sistem Panggilan Dialek Melayu Kampung Air*. Berakas BB3510: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran A

Panggilan atau gelaran bagi bapa saudara dan ibu saudara dalam MMB pada masa ini sudah agak bervariasi dan tidak seragam serta tidak mengikut urutan seperti yang sepatutnya. Agar lebih jelas perhatikan Jadual di bawah yang memaparkan struktur panggilan bagi beberapa keluarga yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

JADUAL 5

Bil.	Keluarga 1		Keluarga 2		Keluarga 3	
	Bapa (6)	Ibu (7)	Bapa (5)	Ibu (9)	Bapa (5)	Ibu (8)
1.	Tua	tua	Tangah	<i>pak cik</i>	Babu	tua
2.	Paci/ <i>pakcik</i>	tangah + nama	Angah	babu	Bungsu	uda
3.	Paci	tangah + nama				tangah
4.	Babu	tangah + nama				amit
5.	Paci	amit + nama				<i>Pak ngah</i>
6.	Usu	acai + jantina				babu
7.		bungsu				bungsu

JADUAL 6

Bil.	Keluarga 4 (Sarawak)		Keluarga 5 (Dusun)		Keluarga 6	
	Bapa (4)	Ibu (2)	Bapa (11)	Ibu (4)	Bapa (12)	Ibu (15)
1.	Tua	tua	Babu	babu	Uwa	uwa
3.	Amit	<i>masi</i>	Pak cik	pak cik	Acai	amit
4.	usu				Ngangah	acai
5.					Uda	iring
6.					Usu	ngangah
7.					Iring	usu
					<i>Anjang</i>	uda

JADUAL 7

Bil.	Keluarga 7		Keluarga 8		Keluarga 9	
	Bapa (12)	Ibu (6)	Bapa (10)	Ibu (6)	Bapa (5)	Ibu (13)
1.	Tua	tua	Tua	tua	Tua	tua
2.	Pauda	tangah	Ngah Daud	bu Nikmah	Uda	iring
3.	Uda	uda	Ngah Mail	bu dayang	Paman	tangah
4.	Tangah	amit	Uda Ainah	bu siah	Bungsu	mak cik
5.	Asai	bungsu	Ngangah	ngah nordin		amit
6.	Amit		Uda Haji	bu damit		amit
7.	<i>Anjang</i>		<i>Anjang</i>	bungsu Haji		amit
8.	Uda		Padamit			Pak cik
9.	Bungsu		Mamit			amit
10.	iring		bungsu			babu
11.						amit
12.						bungsu

JADUAL 8

Bil.	Keluarga 10		Keluarga 11		Keluarga 12	
	Bapa (5)	Ibu (9)	Bapa (8)	Ibu (8) (MIs)	Bapa (6)	Ibu (12)
1.	Babu	babu	Tua	mak long	Tua	tua
2.	Ngah	ngah	Tangah	mak ngah	*Tangah	tangah
3.	Ngah	usu	Tangah	mak uda	Uda	*angah
4.		busu	Tangah	pak lang	<i>Anjang</i>	uda
5.		asai	Tangah	mak teh	Amit	acai
6.		uda	Tangah	mak cik	Bungsu	<i>anjang</i>
7.			Tangah	pak su		iring
8.			Tangah			Babu Hjh

9.			Pa damit
10.			bungsu

JADUAL 9

Bil.	Keluarga 13		Keluarga 14		Keluarga 15	
	Bapa (2)	Ibu (7) (Mls)	Bapa (7)	Ibu (-)	Bapa (7)	Ibu (9)
1.	Tua	ucu	Angah	Usu	Tua	Wa
2.	Bungsu	Angah	Tua	Amit	Tengah	Babo
3.		Mak Rodi	Usu	Tengah	Uda	Anjang
4.		Pak Tam	Amit	Anjang	Bungsu	Usu
5.					Amit	Pak
6.						

JADUAL 10

Bil.	Keluarga 16		Keluarga 17		Keluarga 18	
	Bapa (7)	Ibu (10)	Bapa (8)	Ibu (4) (MLs)	Bapa (2)	Ibu (2)
1.	Tua Laki	Tua Ambun	Pak Long	Mak Long	Tua	Tua
2.	Amit Laki	Bu Dayang (I)	Babu Ngah	Mak Ngah Hoy	Bungsu	Bungsu
3.	Pa Anjang (B)	Bu Aming	Pak Uda	Mak Ngah Enon		
4.	Uda Laki	Asai Laki	Amit Asri	Pak Usu		
5.	Bongsu laki	Tengah Laki	Pak Itam			
6.	Babu	Uda Laki	Babu Inoy			
7.		<i>Paci Laki</i>	Bungsu Rahman			
8.		Amit laki				
9.		Babu				
10.		Bongsu Laki				

JADUAL 11

Bil.	Keluarga 19		Keluarga 20		Keluarga 21	
	Bapa (7)	Ibu (7)	Bapa (8)	Ibu (9)	Bapa (8) Tut	Ibu (6) D
1.	Tua	Tua	Tua	Tua	Pa	<i>Uncle</i>
2.	Tengah	cici	Ngangah	Tengah	Babu	<i>Auntie</i>
3.	Tengah	cici	Amit	Amit		
4.	Tengah	cici	Uda	Uda		
5.	Tengah	cici	Om	Bungsu		
6.	Tengah	cici	Uncu	Ucu		
7.	Bungsu	Bungsu				

JADUAL 12

Bil.	Keluarga 22		Keluarga 23		Keluarga 24	
	Bapa (10) K	Ibu (9) D	Bapa (4) D	Ibu (2) T	Bapa (12) C	Ibu (9)
1.	<i>Angah</i>	<i>Uncle</i>	<i>Angah</i>	<i>Bungsu</i>	Uncle	Tua
2.	<i>Tua</i>	<i>Aunt</i>	<i>Tua</i>	<i>Angah</i>	Uncle	Tengah
3.	Babu	Babu	Pak		Auntie	Tengah
4.	<i>Uncle</i>		Uncle		Uncle	Tengah
5.	Aunt		Usu		Uncle	Tengah
6.	Angah				Auntie	Tengah
7.					Uncle	Tengah
8.					Uncle	Tengah
9.					Uncle	Bungsu

JADUAL 13

Bil.	Keluarga 25		Keluarga 26		Keluarga 27	
	Bapa (12) Mu	Ibu (8) D	Bapa (6)	Ibu (8)	Bapa (8)	Ibu (2)
1.	<i>Uncle</i>	Tua	Tua	<i>Uncle</i>	<i>Uncle</i>	Tua
2.	<i>Uncle</i>	Babu	Tengah	<i>Aunty</i>	<i>Auntie</i>	Asai
3.	<i>Aunty</i>	Tengah	Amit		Uda Bini	Acai
4.	<i>Aunty</i>	Panggilan nama	Uda		Uda laki	Usu
5.	<i>Uncle</i>	Panggilan nama	Bungsu		Bu Amit	Bungsu

6.	<i>Uncle</i>	Panggilan nama		Bu Iring
7.	<i>Uncle</i>	Panggilan nama		Bungsu
8.	<i>Uncle</i>	Bungsu		Bapa Baim
9.	<i>Uncle</i>			